BAB 6

KESIMPULAN

Setelah riwayat dan pemikiran kebudayaan Liang Shuming dikupas secara teliti dalam bab-bab yang terdahulu, didapati bahawa idea-idea beliau adalah teoritikal dan rumit, di samping wujudnya beberapa percanggahan antara teori-teori kebudayaannya. Namun, kelemahan-kelemahan itu tidak dapat memalapkan keyakinan dan keikhlasan beliau dalam mempertahan kebudayaan warisannya dengan berusaha gigih merealisasikan impian dirinya. Dengan itu, pandangan Liang Shuming telah membuka suatu perspektif baru perihal meninjau kebudayaan Cina, sedangkan pendirian intelektual-intelektual lain senantiasa terlalu berpegang kuat pada standard Barat; sebaliknya beliau menjadikan kebudayaan Timur sebagai kayu ukur mutlak.

Justeru, *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya* yang mendapat sambutan dan minat hangat daripada khalayak ramai ketika itu menandakan idea Liang Shuming telah menyentuh persoalan yang selama ini terpendam dalam lubuk jiwa kebanyakan orang. Tambahan pula, pemikiran beliau yang nyata berlainan daripada idea pembaratan dan "Pembelajaran ilmu Cina sebagai prinsip asas, pembelajaran ilmu Barat untuk kegunaan praktikal" telah memecahkan ketegangan antara kedua-dua struktur pemikiran itu yang masing-masing berpegang teguh pada kebudayaan Barat dan Cina. Sebaliknya, idea kebudayaan relativisme Liang Shuming telah berusaha menegakkan kepentingan nilai kewujudan kebudayaan Barat, Cina dan India.

Oleh yang demikian, acuan pemikiran *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya* tidak dapat dinafikan telah membuka tirai baru dalam arena akademik mengenai perbincangan kebudayaan Timur dan Barat. Namun, pengkritik-pengkritik sezamannya telah sering meragui kesahihan teori kebudayaan Liang Shuming; tetapi, kini nilai pemikiran beliau lebih terletak pada makna besar struktur gagasannya daripada kesahihan teori itu *per se*. Ini kerana Liang Shuming tidak dengan sewenang-wenangnya mengaplikasikan standard baik-buruk dalam menilai sesuatu kebudayaan, tetapi menyimpulkan bahawa ketiga-tiga kebudayaan itu masing-masing mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri.

Konsepsi kebudayaan relativisme sebegitu telah menjadi orientasi utama pemikiran Liang Shuming dan dilanjutkan ke dalam karya *Intisari Kebudayaan Cina*. Dalam karya tersebut, renungan beliau terhadap kebudayaan dan ciri keistimewaan masyarakat Cina telah diperdalami, meskipun masih wujud kelemahan-kelemahan yang ketara seperti *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya*. Walaupun begitu, kepentingan idea kebudayaan Liang Shuming bukan hanya bergantung pada betapa sempurnanya ideal-ideal yang disarankannya. Sebaliknya, kecekalan beliau memikirkan kekurangan-kekurangan modenisasi Barat dan impak-impaknya ke atas manusia sejagat turut wajar diberi perhatian, sungguhpun pendapat majoriti waktu itu lebih ghairah mengarah ke modenisasi Barat.

Situasi demikian menyebabkan Liang Shuming senantiasa menyalur masuk pengalaman, kegelisahan dan keprihatinan peribadinya terhadap persoalan China ke dalam teori-teori kebudayaan beliau demi menyahut cabaran kebudayaan Barat. Dengan berlatarbelakangkan konteks tersebut, didapati bahawa beliau telah cuba

membina semula sistem nilai kebudayaan Cina dengan harapan dapat "menyelamatkan" China dan memelihara martabat kebudayaan Cina. Dengan itu, semangat bersungguh-sungguh Liang Shuming mendalami kebudayaan Cina bukan semata-mata suatu peninjauan untuk memenuhi kepuasan emosi, tetapi juga merupakan suatu percubaan mencari tempat kebergantungan dalam keadaan sosial yang kucar-kacir itu.[1]

Pembentukan dan corak pemikiran Liang Shuming turut menggambarkan era polemik pergerakan Mei 4, 1919 yang penuh dengan perdebatan dan persoalan mengenai kebudayaan Timur dan Barat. Lebih-lebih lagi, pendekatan perbandingan melalui perspektif falsafah yang diaplikasi oleh beliau dalam kajian kebudayaannya, secara tidak langsung telah membuka ruang baru bagi diri beliau dan generasi terkemudian ketika berhasrat memperhalusi persoalan kebudayaan. Justeru, pendirian Liang Shuming yang mengakui kelebihan kebudayaan Barat dalam aspek sains, demokrasi dan kebebasan individu mempunyai makna positif dari segi membuka minda khalayak Cina yang selama ini menolak dan tertutup kepada perkara-perkara baru.

Selain daripada itu, sebagai pelopor terawal yang mengkaji idea kebudayaan secara komparatif dengan menggunakan pendekatan falsafah, secara holistik, Liang Shuming telah membandingkan corak pemikiran, sistem nilai, moral etika, pemikiran keagamaan dan pendidikan Cina-Barat. Bagi tema-tema tersebut, Liang Shuming mempunyai pandangan yang tersendiri; oleh itu, idea-idea beliau tidak serupa dengan pemikiran generasi terdahulunya yang hanya tertumpu kemajuan materialistik Barat,

---

[1] Charlotte Furth, "Culture and Politics in Modern Chinese Conservatism" dalam Charlotte Furth ed., *The Limits of Change* (Cambridge, Mass. Harvard University Press, 1976), hlm. 39

tetapi telah mendalami tekad minda sesuatu kebudayaan. Ini membuatkan skop liputan penyelidikan dan pemikiran Liang Shuming adalah luas dan mendalam.

Lagipun, idea teras dalam *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya* dan *Intisari Kebudayaan Cina* yang menegas dan menegakkan keistimewaan kebudayaan Cina serta sifat orang Cina telah "memecah cengkaman" corak pemikiran majoriti ketika itu yang sering menganggap kebudayaan Barat sebagai satu-satunya sistem rujukan bagi kebudayaan Cina. Pandangan Liang Shuming itu bermakna pemikiran kebudayaan bertitik tolak beliau daripada sistem-sistem kebudayaan yang wujud di kalangan manusia sejagat dan bukannya berat sebelah kepada mana-mana haluan kebudayaan. Secara tidak langsung, beliau telah mengecam mereka yang menyarankan idea pembaratan dan mereka yang bermatian-matian mengekalkan *status quo* kebudayaan Cina seperti dahulu kala.

Lantaran, pendirian Liang Shuming tersebut mengelakkan dirinya daripada terjerumus ke dalam polemik rumit mengenai kelebihan dan kekurangan kebudayaan Timur dan Barat waktu itu. Dalam pada itu, dengan bijaknya beliau telah memberi isyarat bahawa modul kebudayaan Cina adalah jauh lebih sempurna daripada kebudayaan Barat. Idea-idea Liang Shuming yang menegaskan orang Cina seharusnya mengikuti rentak langkah kebudayaan Cina sendiri telah mempengaruhi khalayak ramai dan generasi muda lebih berkeyakinan terhadap kebudayaan Cina di samping berhati-hati mengikis nilai-nilai negatif kebudayaan Cina dan menerap kelebihan-kelebihan kebudayaan lain, khasnya Barat.

Secara ringkasnya, pemikiran Liang Shuming yang senantiasa melingkari pada dua tema yang utama, yakni: persoalan China dan kehidupan manusia sejagat sememangnya bermatlamat meneroka suatu jalan yang mampu menggabungkan "modenisasi" dan "kehidupan manusia" dengan sempurna, iaitu mengizinkan China berkembang kuat dan maju di samping nilai-nilai Konfusianisme dapat dikekalkan. Namun, ideal beliau itu terpaksa menghadapi himpitan dari arah yang bertentangan, di mana demi mengecapi kemajuan, China perlu menjejaki langkah-langkah Barat terdahulu; tetapi tatkala yang sama, China besar kemungkinan mengalami kemerosotan nilai etika kebudayaan seperti Barat.

Oleh yang demikian, Liang Shuming mengemukakan suatu penyelesaian yang seolah-olah kelihatan sempurna, iaitu menerima kebudayaan Barat tetapi mengubah sikapnya di samping bersungguh-sungguh mengutarakan sikap orang Cina terhadap kehidupan. Sungguhpun begitu, saranan beliau sebenarnya masih tidak melepasi acuan pemikiran terdahulu yang berbentuk "Pembelajaran ilmu Cina sebagai prinsip asas, pembelajaran ilmu Barat untuk kegunaan praktikal". Dengan itu, idea kebudayaan Liang Shuming pada tahap tertentu kelihatan berketrampilan dan mendahului rakan-rakan sezamannya; tetapi pada sesetengah kala, idea beliau masih terkongkong oleh corak pemikiran lama.

Tambahan lagi, program "Pembinaan Kawasan Desa" Liang Shuming yang menggalakkan agraria supaya tidak terjejak proses perindustrian dan urbanisasi ala Barat, sebenarnya dapat dikatakan hanya merupakan suatu idaman ideal atas kertas yang tidak realistik. Ini kerana modenisasi China yang diinginkan oleh beliau sememangnya tidak dapat elakkan daripada mengalami proses industrialisasi dan

urbanisasi. Meskipun begitu, Liang Shuming bersungguh-sungguh merealisasikan "Idea Hala Tuju Kebudayaan Timur dan Barat" melalui program pembangunan agraria saranannya demi menyekat dan menentang kemaraan kapitalisme Barat ke China.

Di samping itu, tragedi Liang Shuming tidak dapat memulihkan kekuatan kebudayaan Cina mengikut gagasan dirinya tidak seharasnya diperbesar-besar kerana terdapat juga ramai intelektual Cina yang sepengalaman dan senasib dengan beliau. Perkara yang perlu diingati kita ialah sejak abad ke-19, intelektual-intelektual Cina demi membebaskan nusa bangsa daripada kolonisasi dan kemakmuran ibu pertiwi, mereka telah berusaha gigih mencari jalan penyelesaian. Oleh itu, semangat gigih Liang Shuming dan para intelektual lain sebegitu dapat dijumpai sepanjang sejarah kebudayaan dan pemikiran Cina; tetapi hanya segelintir yang berpeluang mendapat perhatian umum seperti Liang Shuming.

Meskipin begitu, memandangkan serba kekurangan yang wujud dalam pemikiran Liang Shuming, ia tidak menjejaskan hasrat diri beliau untuk menyelamatkan China dan memulihkan kebudayaan Cina. Bagi beliau, kebudayaan etnik tertentu bukan merupakan sesuatu yang simbolik sahaja, tetapi adalah asas dalaman yang penting untuk keteruswujudan (*survival*) etnik tersebut. Dengan berwawasan sebegitu, Liang Shuming tekun dan berani mengabulkan hasratnya secara teoritikal dan praktikal. Sungguhpun percubaan-percubaan Liang Shuming tidak mengecapi kejayaan yang gemilang, namun inisiatif beliau mengakui kepentingan tema tradisi dan modenisasi sewajarnya disanjung tinggi dan mempunyai nilai rujukan bagi kita pada hari ini.